

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan mekanisme baru yang akan memudahkan penyampaian bantuan kepada rakyat yang tinggal kawasan luar bandar dan pedalaman dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Bil.8 Tahun 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 26 Mac 2020 memutuskan bahawa Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab memberi bantuan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia yang hilang pendapatan dan memerlukan bantuan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Selain itu, JKM juga telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras sumbangan makanan termasuk sumbangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu sepanjang PKP dengan kerjasama pemimpin tempatan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Semua pihak, termasuk pemimpin

masyarakat boleh mengemukakan aduan dan rujukan sekiranya dikenal pasti ada pihak memerlukan bantuan kepada JKM yang berhampiran untuk disampaikan bantuan tersebut.

Sebanyak **RM47.42 juta** telah diperuntukan bagi menampung program bantuan bekalan makanan semasa PKP iaitu Bantuan Bakul Makanan **Fasa I, RM5.68 juta, Fasa II RM9.06 juta, Fasa III RM 10.48 juta** melalui peruntukan Tabung COVID-19. Manakala RM 22.2 juta peruntukan daripada Kementerian Kewangan bagi menampung Bakul Makanan B40 Kawasan Parlimen.

Selain daripada itu, terdapat juga sumbangan-sumbangan keperluan asas dan bekalan makanan daripada (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu juga menyumbang dalam pemberian bakul makanan semasa PKP. Keseluruhan penerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negara adalah seramai **820,723 Ketua Isi Rumah (KIR)** dan memberi manfaat kepada **3.2 Juta Ahli Isi Rumah (AIR)**.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga terlibat dalam pengagihan Bakul Makanan kepada masyarakat Orang Asli. Pengagihan bakul makanan yang melibatkan kerjasama bersama kepimpinan pengurusan kampung iaitu Tok Batin dan juga Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPPKOA). Selain itu, JAKOA turut melibatkan penguatkuasa tempatan, Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan badan bukan kerajaan untuk pengagihan bakul makanan kepada masyarakat Orang Asli termasuk di kawasan pedalaman.

Pengagihan bakul makanan ini melibatkan 165,087 Ketua Isi Rumah Orang Asli dengan perbelanjaan sebanyak RM18,817,040.00.

Sekian, terima kasih.